# Laman sosial medium efektif boikot produk

**SHAH ALAM** - Penggunaan laman sosial seperti Facebook disifatkan sebagai berkesan dalam usaha rakyat Malaysia dan dunia memboikot produk keluaran Israel.

Pakar Komunikasi dari Universiti Sains Islam Malaysia, Dr Mohd Faizal Kasmani berkata, cara untuk mengajak pengguna memboikot produk Israel melalui Facebook perlu dilakukan secara kreatif supaya mesejnya sampai kepada pengguna.

"Laman sosial merupakan satu medium menyebarkan maklumat yang bersifat 'viral' (menyeluruh). Maknanya semua rakyat Malaysia bahkan penduduk di dunia dapat melihat mesej ataupun maklumat yang ingin disampaikan.

"Tetapi cara penyampaian tersebut perlu bersifat menarik dan dapat menyedarkan pengguna walaupun dengan hanya satu gambar," katanya kepada *Sinar Harian*.

Mohd Faizal berkata, jumlah pengguna laman sosial yang meningkat setiap hari turut memudahkan usaha memboikot kerana setiap maklumat diterima akan dikongsi sesama mereka.

"Penyaluran maklumat untuk memboikot produk Israel juga lebih pantas memandangkan peredaran informasi dalam internet bersifat berterusan dan sentiasa berlaku.



**Perkongsian pelbagai maklumat di media sosial membantu kempen boikot barangan Israel.**

"Maknanya walaupun seseorang yang memuat naik status tersebut tidak melayari Facebook, namun statusnya masih berlegar dan dikongsi oleh pengguna yang lain," katanya.

Namun katanya, pengguna perlu berhati-hati menyebarkan sebarang maklumat untuk memboikot sesuatu produk terutama yang belum diketahui sama ada benar-benar keluaran Israel.

"Pengguna Facebook masih perlu bergantung kepada media arus perdana selain perlu menyemak beberapa laman sesawang bagi memastikan kesahihan (asal-usul) produk yang hendak diboikot," katanya.

Sementara itu, Mohd Faizal berkata, media sosial juga membolehkan kebenaran mengenai kekejaman rejim Zionis yang rakus menyerang penduduk Palestin diketahui orang ramai.

"Penduduk dunia, misalnya, dapat mengetahui kebenaran di sebalik serangan rejim Zionis, terutama siapa yang bersalah berbanding (jika bergantung kepada) media luar negara yang mungkin menyembunyikan banyak fakta," katanya.

**SIRI AKHIR ESOK**

**Luahan pekerja McDonald's susulan isu boikot**